



**PENGUNAAN BAHAN BANTU MENGAJAR DALAM KALANGAN GURU  
CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM SEKOLAH MENENGAH**

**[USE OF TEACHING AIDS AMONG EXCELLENT TEACHERS OF ISLAMIC  
EDUCATION SECONDARY SCHOOLS]**

RABIATUL ADAWIAH MUHAMAD & KHADIJAH ABDUL RAZAK<sup>1\*</sup>

<sup>1\*</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor MALAYSIA.  
Email: p118636@siswa.edu.ukm.my; khadijah.razak@ukm.edu.my

Correspondent Email: khadijah.razak@ukm.edu.my

---

*Received: 1 May 2024*

*Accepted: 15 May 2024*

*Published: 14 June 2024*

---

**Abstrak:** Penggunaan bahan bantu mengajar merupakan alat sebagai pelengkap dalam pengajaran dan pembelajaran. Tujuan artikel ini adalah meneroka jenis bahan bantu mengajar yang digunakan oleh Guru cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) di dalam bilik darjah. Kepelbagaian bahan bantu mengajar yang diaplikasi di dalam kelas memberi impak yang sangat positif. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah pengumpulan data menggunakan teknik temu bual mendalam, analisis dokumen dan pemerhatian. GCPI dipilih melalui teknik pensampelan bertujuan. Dua orang Guru Cemerlang Pendidikan Islam di sekolah menengah yang memenuhi kriteria telah dipilih sebagai peserta kajian. Data yang dikumpul dan dianalisis menerusi teknik analisis tema dengan menggunakan perisian NVIVO versi 14. Hasil temu bual mendapati bahawa GCPI telah menggunakan tiga jenis bahan bantu mengajar merangkumi BBM bukan digital, BBM digital dan BBM bersifat pengalaman sebenar. BBM bukan digital yang digunakan merangkumi pen penanda, pensel warna, gunting dan marker sebagai asas BBM ketika PdPc. Walaupun teknologi pendidikan semakin canggih, sekiranya guru Pendidikan Islam bijak menambah baik BBM sedia ada maka aktiviti di dalam bilik darjah dapat merangsang minat murid untuk meneroka sesuatu tajuk yang dipelajari. Hasil kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan BBM digital adalah hampir sembilan puluh peratus kerana murid generasi alfa adalah generasi yang bergantung hampir sepenuhnya kepada internet. Oleh itu, GPI perlu menguasai BBM elektronik supaya murid tidak bosan dan hilang tumpuan ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala BBM bersifat pengalaman sebenar juga memberi pengalaman realiti kepada murid apabila berhadapan dengan situasi sebenar seperti bab sembelihan bertayamum. BBM yang dipilih bergantung kepada topik yang diajar serta mengambil kira tahap keupayaan murid dalam melaksanakan aktiviti di dalam bilik darjah ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Impaknya, pengajaran dan pembelajaran dapat merangsang minat murid untuk belajar bukan hanya secara teori semata-mata tetapi dapat diamalkan secara praktikal.

**Kata kunci:** Bahan bantu mengajar, Guru Cemerlang Pendidikan Islam, sekolah menengah.

**Abstract:** The use of teaching aids is a tool as a complement in teaching and learning. The purpose of this article is to explore the types of teaching aids used by excellent Islamic Education teachers in the classroom. The variety of teaching aids applied in the classroom has a very positive impact. This study uses a qualitative approach. Data collection methods use are in-depth interview techniques, document analysis and observation. GCPI was selected through a purposive sampling technique. A total of two outstanding teachers of Islamic Education in secondary schools who meet the criteria have been selected.

Data collected and analyzed through theme analysis techniques using NVIVO software version 14. Interview results found that GCPI has used three types of teaching aids including non-digital BBM, digital BBM and real experiential BBM. The non-digital BBM used includes marker pens, colored pencils, scissors and markers as the basis of BBM during PdPc. Although educational technology is becoming more sophisticated, if Islamic Education teacher is wise to improve the existing BBM then activities in the classroom can stimulate students' interest to explore a topic studied. The results have shown that the use of digital BBM is almost ninety percent because students of the alpha generation are a generation that depends almost entirely on the internet. Therefore, GPI needs to master electronic BBM so that students do not get bored and lose focus during the teaching and learning process. While BBM is a real experience, it also gives students a reality experience when faced with real situations such as slaughtering and bertayammum. The BBM chosen depends on the topic being taught as well as taking into account the student's level of ability in carrying out activities in the classroom during the teaching and learning session. The impact is that teaching and learning can stimulate students' interest in learning not only theoretically but can be practiced practically.

**Keywords:** Teaching aids, Excellent Islamic Education Teacher, secondary school

**Cite This Article:**

Rabiatul Adawiah Muhamad & Khadijah Abdul Razak. 2024. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah [Use Of Teaching Aids among Excellent Teachers of Islamic Education Secondary Schools]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 4(2), 40-52.

## **PENGENALAN**

Pendidikan yang berkualiti aset perkara paling utama dalam mempengaruhi pembangunan modal insan dalam menentukan masa depan negara kita. Segala kerjasama dan komitmen guru dalam melaksanakan transformasi pendidikan menjadi tunggak utama dalam membangunkan murid secara menyeluruh. Usaha keras kerajaan terhadap perkembangan dunia pendidikan dengan menekankan konsep kualiti pendidikan secara berterusan disahut oleh warga pendidik untuk dijadikan sebagai pengajaran dan pembelajaran lebih berinovatif dan mempunyai kreativiti. Guru yang kreatif dan inovatif mampu mengatur strategi dengan menghasilkan idea pemikiran yang bernas seiring dengan gaya pembelajaran murid agar mendapat hasil pembelajaran yang lebih berkesan. Gaya pembelajaran lebih mantap dengan kehadiran Bahan Bantu Mengajar (BBM) sebagai satu instrumen dalam memberi kefahaman kepada murid di dalam kelas. BBM didefinisikan sebagai satu kelengkapan yang mampu dilihat, mudah didengari, boleh dipegang, boleh dibaca, berbentuk penceritaan, boleh dihidu, boleh digunakan dan sebagainya. Penggunaan BBM yang berkesan mampu memupuk tarikan untuk murid belajar dan menjadikan suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Guru yang bijak ialah guru mampu mengenal pasti keperluan murid dalam pembelajaran dengan merancang pedagogi dan menggunakan pendekatan yang bersesuaian. Kesannya, melahirkan murid yang sentiasa bermotivasi tinggi dan sentiasa terus bersemangat untuk belajar dengan memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran. Oleh itu, artikel ini mengupas berkaitan jenis BBM yang diguna dalam kalangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Proses pembelajaran sangat penting bagi diri seseorang pelajar. Pembelajaran yang dimaksudkan termasuklah pembelajaran bagi subjek Pendidikan Islam. Untuk mencapai tahap kecemerlangan akademik pelajar, Guru Pendidikan Islam (GPI) perlu menguasai kemahiran dalam menggunakan kaedah dan strategi pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Antara pendekatan GPI untuk mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif adalah kebolehan GPI untuk menggunakan bahan bantu mengajar di dalam bilik darjah. Bahan bantu mengajar dijadikan sebagai bahan pelengkap sesi pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, penggunaan BBM amat penting agar saluran ilmu dapat disampaikan dengan mudah serta mencapai objektif pembelajaran.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh KPM untuk memperuntukkan belanjawan agar kelengkapan bahan bantu mengajar sentiasa mencukupi oleh warga pendidik dengan memberi latihan dan kursus bagaimana cara untuk mengaplikasi terutama di dalam bilik darjah. Usaha ini telah dibangunkan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia Projek 1BestariNet sebanyak 10,000 sekolah rendah dan menengah di Malaysia dilengkapi dengan kemudahan akses internet berkelajuan tinggi 5G dan platform pembelajaran maya yang menyediakan sambungan internet berkelajuan tinggi serta akses kepada Penyelesaian Pembelajaran Bersepadu. Penggunaan Frog VLE memberi kemudahan kepada guru untuk berkongsi BBM yang berbentuk video, imej dan lain-lain untuk dikongsikan kepada murid. Ia menjadikan pengajaran dan pembelajaran yang menarik dengan gaya pembelajaran yang berbeza. Selain itu, Portal EduwebTv diperkenalkan juga untuk merealisasikan BBM yang berbentuk video, audio pendidikan serta slaid pembentangan guru turut disumbangkan di dalam portal tersebut. KPM juga telah menaik taraf makmal komputer dan infrastruktur pembangunan sekolah agar guru mampu melakukan kepelbagaian BBM ketika proses pengajaran dan pembelajaran.

Namun terdapat segelintir Guru Pendidikan Islam tidak memanfaatkan kemudahan yang disediakan untuk menyediakan BBM yang sesuai ketika pengajaran dan pembelajaran kerana terdapat kekangan yang berlaku terhadap senario di sekolah. Dapatan kajian Mohd Faez Ilias et al. (2022) membuktikan bahawa kekangan ini berpunca daripada Guru Pendidikan Islam tiada ruang masa yang mencukupi dalam menyediakan bahan bantu mengajar. Usaha Guru Pendidikan Islam untuk sedaya upaya menyediakan bahan bantu mengajar secara digital membuktikan bahawa pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih mudah dan menjimatkan kos kerana GPI dapat menayangkan pengulangan tayangan video melalui laman sesawang yang betul.

Penguasaan kemahiran teknologi juga menjadi satu keperluan GPI pada masa kini. Kajian Sylviano & Hasmadi (2019) mendapati bahawa Guru Pendidikan Islam memiliki kemahiran teknologi yang tinggi tidak kira sama ada GPI lelaki dan perempuan. Ini menunjukkan penguasaan teknologi telah memberi satu dorongan dan kesedaran bahawa GPI sentiasa bersedia dalam arus perkembangan pendidikan abad -21. Walaupun revolusi digital semakin berkembang, Guru Pendidikan Islam tidak terlalu bergantung kepada bahan digital untuk menghasilkan BBM semata-mata, malah GPI boleh memilih BBM dengan menggunakan bahan semula jadi mengikut kesesuaian tajuk yang diajar. Kajian Hasnuddin et al. (2015)

membuktikan bahawa pembelajaran berasaskan ICT bukan asas utama ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran GPI yang menentukan kaedah yang terbaik dengan mengambil kira faktor dan kekangan masa untuk menghasilkan bahan bantu mengajar sesuai dengan latar belakang murid dan persekitaran sekolah.

Justeru, kajian ini bertujuan untuk meneroka jenis-jenis bahan bantu mengajar yang diamalkan dan dilaksanakan sebagai aktiviti ketika sesi pengajaran dan pembelajaran oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) di dalam bilik darjah.

## **KONSEP BAHAN BANTU MENGAJAR**

Kepelbagaian alat bahan bantu mengajar yang berkesan dapat membantu guru dan murid ketika proses pengajaran dan pembelajaran serta mewujudkan pdp ke arah yang lebih positif. Bahan bantu mengajar dijadikan sebagai pelengkap dengan tujuan membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu, pengalaman dan sebarang aktiviti melalui kepelbagaian BBM yang menarik bersesuaian dengan kebolehan dan potensi murid memberi kesan yang positif terhadap perkembangan kognitif murid. Dalam bidang Pendidikan Islam, terdapat manfaat yang sangat berguna yang mana Guru Cemerlang Pendidikan Islam menggunakan bahan bantu mengajar dalam PdP bukan hanya untuk murid tetapi manfaat untuk guru juga. Setiap topik yang diajar boleh diolah dan dikembangkan melalui idea-idea yang bernas. Oleh itu, maklumat yang diperolehi sangat berguna kepada guru dan murid dengan penyediaan bahan bantu mengajar oleh GCPI untuk meningkatkan kefahaman dan pengetahuan berdasarkan topik yang dipelajari di dalam kelas. Menurut Norzainariah (2004) pelajar memberi tumpuan kepada pelajaran dengan kehadiran bahan bantu mengajar. Menurut beliau bahawa BBM diklasifikasikan kepada bentuk elektronik seperti komputer, radio dan video. Manakala bukan elektronik pula seperti akhbar dan majalah. Menurut Rabaah Abdullah et al. (2021) bahan bantu mengajar mempunyai tiga kategori iaitu berasaskan video, artikel ilmiah dan slaid powerpoint. Pembinaan dan pemilihan BBM bergantung kepada mutu BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Ia dipilih mengikut kesesuaian murid-murid yang terlibat termasuklah sikap dan perlakuan pelajar. Mutu BBM yang berkualiti termasuklah jelas dari sudut bunyi, fizikal dan sebutan.

Menurut Charles Muling Libau & Ying-Leh Ling (2020) penggunaan bahan bantu mengajar memberi kesan dalam kualiti pembelajaran. Selain itu, kelengkapan dan bahan bantu mengajar yang mencukupi serta berada dalam keadaan yang baik dapat mewujudkan pembelajaran yang berkesan terhadap pelajar. Guru yang cekap menggunakan bahan bantu mengajar sangat penting agar pengajaran dan pembelajaran tidak terjejas. Penggunaan BBM yang kualiti mampu memudahkan proses aktiviti murid ketika PdP. Kualiti yang dikategorikan sebagai BBM yang dapat digunakan sepenuhnya oleh guru dengan peruntukan masa yang telah ditetapkan.

Pengajaran dan pembelajaran dalam bidang Pendidikan Islam tidak ketinggalan dalam menggunakan BBM. BBM dalam pengajaran Pendidikan Islam mengklasifikasikan BBM kepada tiga bahagian. Jenis BBM tersebut ialah audio, visual, dan audio-visual. Klasifikasi jenis BBM ini sudah diketahui umum khususnya dalam bidang pendidikan melalui beberapa pengkaji yang telah dijelaskan sebelum ini. Sebagai contoh, pembelajaran Al-Quran guru

menggunakan audio-visual dengan memperdengarkan alunan ayat-ayat suci Al-Quran, tajwid berserta Tarannum. Seterusnya, penggunaan visual guru menayangkan video bagaimana cara untuk menyamak kulit haiwan dan sebagainya. Amalan dalam penggunaan BBM boleh diambil dari pelbagai sumber. Antaranya sumber dari bahan semula jadi atau dibina berdasarkan kreativiti dan inovasi guru.

Pemilihan sumber BBM yang menarik membantu guru untuk menentukan sama ada BBM yang digunakan adalah bahan sedia ada atau dihasilkan sendiri. Sesi pengajaran dan pembelajaran penggunaan bahan bantu mengajar bergantung kepada sumber yang digunakan. Sumber Bahan bantu mengajar bergantung kepada kemahiran guru untuk mengolah BBM kepada lebih berinovasi. BBM dibina berdasarkan bahan sedia ada atau bahan dibina mengikut kos jenis bahan yang digunakan. Kemahiran guru menggunakan BBM mengikut topik yang diajar memerlukan kemahiran guru untuk menggunakannya. Oleh itu, bergantung kepada kebijaksanaan guru menggunakan BBM bertepatan dengan rancangan pengajaran harian yang telah ditetapkan. Dalam bidang Pendidikan Islam kebanyakan sumber diperolehi dengan sumber alam semula jadi. Antara BBM adalah sumber air mutlak, tanah, matahari, bulan dan sebagainya. Selain itu, buku teks Pendidikan Islam adalah sumber BBM yang tepat. Ini kerana KSSR dan KSSM telah diperkenalkan dengan pelbagai sumber BBM melalui penggunaan BBM digital. Gabungan BBM semula jadi dengan buku teks juga menghasilkan BBM yang lebih menarik dan berkesan.

Kajian Mohd Faez Ilias et al. (2016) telah menjalankan kajian sumber bahan bantu mengajar dalam kalangan Guru Pendidikan Islam. Dalam kajian ini GPI telah membuat persediaan dengan menggunakan bahan bantu mengajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa GPI menggunakan BBM kepada dua kategori. Yang pertama adalah BBM bersumberkan bahan sedia ada dan bahan buatan. Hasil dapatan kajian juga mendapati GPI menggunakan empat jenis sumber BBM sedia ada, iaitu guru, internet, rakan, dan pengalaman belajar.

Kajian Najwa Khasim et. al (2017) berkaitan amalan penggunaan bahan bantu mengajar Guru Cemerlang Pendidikan Islam menunjukkan bahawa pelajar telah memberi reaksi yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana hasil amalan penggunaan bahan bantu mengajar yang dilaksanakan oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam telah menarik minat murid untuk belajar dengan lebih efektif. Penggunaan BBM seperti komik, buku latihan dan iqra' membuahkan hasilnya kerana mampu menghidupkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Objektif yang ditetapkan oleh GCPI juga tercapai dengan perancangan pengajaran dan pembelajaran yang rapi.

Manakala kajian Rozan Irfan Rostyanta (2020) mendapati bahawa pembelajaran secara google classroom dapat menghasilkan video interaktif. Kelebihan BBM ini dapat membantu guru berkomunikasi dengan mudah walaupun berada pada jarak yang jauh. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa gabungan video visual dan auditori menghasilkan pemikiran yang kritis di kalangan murid. Kesimpulannya, Penggunaan BBM merupakan satu keperluan mutlak kerana ia satu kaedah untuk melahirkan murid berasaskan pembelajaran abad ke 21 khususnya dalam bidang Pendidikan Islam. Pengajaran dan pembelajaran yang bersifat "syumul" mampu mendominasi pengajaran pada masa kini menjadikan pembelajaran boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana jua yang memudahkan pembelajaran pelajar.

## METODOLOGI

Kajian kualitatif berbentuk kajian kes ini bertujuan meneroka jenis bahan bantu mengajar yang digunakan oleh Guru Cemerlang Pendidikan Islam di dalam bilik darjah. Data diperoleh dengan cara pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen. Data dianalisis menggunakan Nvivo versi 14 untuk menghasilkan tema, dan subtema. Kajian ini melibatkan penerokaan jenis BBM oleh dua orang GCPI di sekolah menengah di Negeri Kelantan. Prinsip utama pensampelan untuk mendapatkan sampel yang benar-benar mewakili populasi yang dikaji dan memastikan sampel yang diambil dari pensampelan tidak kepincangan. Pengkaji menetapkan penggunaan pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) iaitu kelompok responden yang mewakili populasi yang hendak dikaji. Bagi kaedah penetapan peserta kajian, penyelidik memilih dua orang peserta GCPI di daerah Pasir Puteh dan daerah Kota Bharu. Seorang peserta GPI yang terlibat ialah Guru Cemerlang Pendidikan Islam sebagai Juru Latih Negeri Kelantan dan seorang Guru Cemerlang Pendidikan Islam di salah sebuah Sekolah Menengah Sains berdasarkan saranan yang dikemukakan dan disenaraikan oleh Pegawai Sektor Pembelajaran Unit Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan. Ciri-ciri GCPI yang dipilih meliputi pengalaman mengajar selama 10 tahun dan ke atas dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai kelulusan Doktor Falsafah dalam bidang pendidikan. GCPI mesti mengajar subjek Pendidikan Islam di peringkat sekolah menengah dan GCPI menggunakan bahan bantu mengajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. GCPI tersebut mewakili taburan guru Pendidikan Islam secara keseluruhan dengan memfokuskan pengalaman sebagai indikator sebagai menguasai kemahiran penggunaan BBM yang berkesan.

Kajian ini dijalankan melalui kaedah temu bual sebagai sumber data utama. Manakala analisis dokumen dan pemerhatian sebagai sokongan dan pengukuhan temu bual. Temu bual dengan GCPI dijalankan untuk mendapatkan maklumat jenis BBM yang dilaksanakan ketika proses P&P dan keberkesannya. Temu bual menyentuh jenis-jenis BBM dan cara pelaksanaan dalam setiap PdP yang dijalankan bilik darjah. Data temu bual dianalisis menggunakan NVIVO versi 14.

Selain kaedah temu bual, pengkaji juga mendapatkan data melalui analisis dokumen seperti rancangan pengajaran harian dan dokumentasi aktiviti melibatkan BBM. Dalam analisis dokumen, pengkaji mendapatkan data melalui Buku Rancangan Pengajaran harian merangkumi cadangan aktiviti murid berasaskan BBM, tugas dan latihan murid dalam bentuk rekod lembaran kerja, gambar foto dan data masa yang diambil oleh pelajar untuk melakukan aktiviti yang berkaitan BBM. Semua dokumen tersebut dianalisis dalam satu laporan. Pemerhatian dijalankan untuk meneroka sejauh mana penggunaan BBM dilaksanakan oleh GCPI dalam bilik darjah.

## DAPATAN KAJIAN

Bab ini memberi gambaran tentang dua peserta kajian yang terdiri daripada Guru Cemerlang Pendidikan Islam.

**Demografi**

Jadual 1 Latar belakang GCPI

Peserta kajian	IPT	Sekolah	Pengalaman mengajar	Gred status Guru Cemerlang	Pengiktirafan
Ustaz A	1. (Diploma) Maktab Perguruan, Bangi	SMK Seri Nibong	18 tahun	DG44	Juru latih Utama Pendidikan Islam negeri Kelantan
		SMK Simpang Empat			Penggubal panel Modul Mateen Pendidikan Islam
		SMK Panchor Perdana			Guru kanan Sains Sosial
		SMK Long Ghafar			Penceramah pendidikan Islam peringkat daerah dan negeri
Ustazah B	1. (BA) Universiti Teknologi Malaysia , Johor	SMK Taman Melawati Kuala Lumpur	20 tahun	DG52	Guru Inovasi
		SM Sains Pasir puteh, Kelantan			Penceramah akademik Pendidikan Islam peringkat daerah dan negeri
		3. (PhD) Universiti kebangsaan Malaysia, Bangi.			

## Jenis BBM

Tema yang dibina berdasarkan objektif kajian iaitu meneroka jenis bahan bantu mengajar yang dilaksanakan oleh GCPI. Daripada hasil temu bual, terbina tiga jenis subtema iaitu; bahan bantu mengajar bukan digital, bahan bantu mengajar digital dan bahan bantu mengajar bersifat pengalaman sebenar. Peserta kajian menyatakan bahawa walaupun revolusi pendidikan secara digital semakin hebat namun bukan perkara yang wajib bagi seorang guru menggunakan bahan bantu mengajar bersumberkan digital setiap kali proses pengajaran dan pembelajaran. Peserta kajian menyatakan bahawa sekiranya pemilihan bahan bantu mengajar bukan digital digunakan secara meluas dapat diubah suai supaya BBM tersebut menjadi lebih menarik sehingga murid sentiasa berminat untuk mendalami sesuai topik yang diajar.

### a. Bahan bantu mengajar bukan digital

Bahan bantu mengajar bukan digital merupakan bahan yang bukan bersumberkan elektronik. Hasil dapatan kajian menunjukkan peserta kajian menggunakan BBM bukan digital menjadi pilihan utama sekiranya GPI mempunyai daya kreatif yang tinggi. Antara BBM asas yang bersifat bukan digital oleh peserta kajian dapat difahami melalui jadual 2 di bawah:

Jadual 2 Bahan bantu mengajar bukan digital

GCPI	Bahan bantu mengajar
Ustaz A	Buku Teks Pen penanda/Marker Pen Magic Pensel Warna Gunting Gam Masking Tape traffic Light Card templat peta i-think slides PPT bercetak Gallery Walk – Hot Seat Kad Soalan Fan – N- Pick. Kotak beracun Bentuk peta minda lukisan grafik Window pen kertas warna
Ustazah B	Kertas Majong



Menurut Ustaz A kemahiran GPI untuk berdaya kreatif dapat dimulakan dengan penggunaan buku teks dan penanda pen atau lebih popular dengan nama (marker). Ini kerana BBM tersebut mampu mewujudkan keseronokan belajar di kalangan murid. Contoh seperti yang dinyatakan oleh Ustaz A:

“Perkara pertama yang wajib saya sediakan adalah beg aktiviti. Beg ini mengandungi Marker, Pen, Magic, Pensel Warna, Gunting, Gam, Masking Tape dan lain-lain.... saya mengambil inisiatif lain lagi dengan menggunakan BBM Kad Soalan Fan – N- Pick. saya menggunakan BBM dalam bentuk peta minda dan lukisan grafik. saya menggunakan BBM Window Pen. Walaupun guru masuk kelas hanya menggunakan sebatang pen marker, Ia boleh menjadi BBM yang menarik, rujukan utama wajib Buku Teks terutama spectrum ilmu.”

Pernyataan oleh Ustaz A menunjukkan bahawa kreativiti GPI boleh dikembangkan dengan penggunaan bahan bantu mengajar yang ringan dan mudah dibawa tetapi sangat bermanfaat ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala bagi Ustazah B pula menggunakan kertas majong sebagai keperluan asas dalam pengajaran dan pembelajaran. Menurutnya murid tidak terlalu lama dalam keadaan duduk di dalam kelas dan memerlukan pergerakan melalui aktiviti pembentangan. Ini yang dinyatakan oleh beliau, “Kadang-kadang saya juga masih menggunakan kertas majong untuk pembentangan hasil kerja murid.” Ini menunjukkan bahawa GPI masih dapat membuat pilihan bersesuaian dengan topik yang diajar sekali gus dapat membiasakan murid agar yakin untuk tampil memberi penjelasan dan penerangan dengan bimbingan guru.

**b. Bahan bantu mengajar digital**

Subtema seterusnya adalah bahan bantu mengajar digital bahan yang bersumberkan elektronik. BBM digital menjadi satu keperluan yang hakiki dalam pembelajaran abad ke 21. Menurut Ustazah B hal ini kerana ia mempunyai perkaitan yang dengan peralihan generasi Z kepada generasi Alfa. Menurut beliau, Generasi Alfa merupakan generasi Millenials yang bergantung sepenuhnya kepada internet dan mempunyai kepercayaan penuh segala info bersumberkan internet. Antara hasil temu bual dan analisis dokumen terdapat dua belas BBM digital yang digunakan oleh peserta kajian. Oleh itu, jadual 3 menunjukkan bahan bantu mengajar secara digital yang digunakan oleh CGPI:

Jadual 3 Bahan bantu mengajar digital

GCPI	Bahan bantu mengajar
Ustaz A	LCD Power point Green Screen Plickers Card Quizizz

---

	Kahoot Quiz
	e – book.
Ustazah B	Projektor LCD
	Komputer
	Qr Quizziz
	Tiktok
	youtube
	IG
	instagram

---

Bahan bantu mengajar digital membantu guru menyampaikan isi pelajaran. Tujuannya untuk memberi rangsangan murid-murid, kefahaman dan interpretasi maklumat kepada murid. Kaedah dan teknik yang sesuai sangat penting agar objektif pembelajaran tercapai. Contoh pernyataan Ustaz A,

“Selain itu e – book saya laksanakan juga namun pelajar sentiasa minta rakaman video berdasarkan tajuk contohnya bab sembelihan”... “Saya jadikan LCD dan Power Point juga sebagai BBM juga”

Beliau mengakui bahawa pemilihan perisian yang mudah digunakan diambil kira supaya murid lebih mengulang kaji dengan menggunakan deria melihat, mendengar dan menulis seperti yang Ustaz A sentiasa memuat naik rakaman video ke dalam saluran Youtube dengan dikenali sebagai [www.youtube/ nikaufastudio](http://www.youtube.com/nikaufastudio). Rakaman yang digunakan sangat membantu murid sebagai pengukuhan dan terbukti bahawa penyampaian ilmu sangat cepat dan pantas. Berbeza dengan hasil temu bual oleh Ustazah B dalam pernyataan beliau,

“Saya kongsi banyak menggunakan bahan digital sejak pembelajaran abad ke 21. Ini kerana saya diamanahkan sebagai Guru Inovasi dan disediakan bilik khas. Maka saya sentiasa guna BBM elektronik atau pun digital seperti LCD.”

Pernyataan beliau yang sentiasa menggunakan BBM digital menunjukkan bahawa terdapat jurang dunia pendidikan zaman sekarang berbanding dahulu. Maka GPI perlu bersifat terbuka bukan hanya menggunakan BBM yang sedia ada tetapi perlu menguasai dunia revolusi digital dalam bidang pendidikan. Pernyataan ini disokong lagi dengan pernyataan beliau iaitu;

“Kemudahan yang ada sekarang KPM telah sediakan akaun pelajar sendiri iaitu Digital Educational Learning Initiative Malaysia.), pelajar mempunyai akaun tiktok, youtube, IG dan instagram.

Beliau menegaskan bahawa segala kemudahan yang disediakan oleh KPM sangat membantu GPI untuk sebagai platform penyampaian dan perkongsian ilmu secara atas talian. Tambahan pula, menurut beliau daya tumpuan murid lebih tidak melebihi sepuluh minit maka guru perlu bijak menggunakan akaun tiktok, IG dan Instagram untuk menyalurkan maklumat

agar murid minat untuk terus belajar. Kemudian hasil temu bual dan analisis dokumen mendapati bahawa terdapat persamaan antara peserta kajian bahawa penggunaan QR Quiziz atas talian sebagai pengukuhan dan pengayaan. Imbasan Qr dihasilkan mengikut bidang atau topik dalam Pendidikan Islam. Menurut Ustaz A, “saya menggunakan Kahoot Quiz”. Manakala Ustazah B menyatakan “Saya juga menggunakan QR Quiziz sebagai rujukan pelajar ayat-ayat hafazan.”

**c. Bahan bantu mengajar bersifat pengalaman sebenar**

Menurut peserta kajian bahan bantu mengajar melalui pengalaman sebenar atau dinamakan sebagai bahan maujud digunakan oleh GPI untuk memberi pengalaman kepada murid berhadapan dengan situasi sebenar. Ia merupakan salah satu cara untuk merangsang aktiviti pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih mendalam. Bukti pernyataan BBM bersifat pengalaman oleh Ustaz A. “Antaranya adalah bentuk lakonan seperti dialog perkahwinan dan pelajar lebih terkesan, kemudian BBM yang kedua dalam bentuk nyanyian, pelajar memilih lirik yang sesuai bergantung kepada mereka.”

Hasil dapatan temu bual bersama Ustazah B juga menggunakan bahan maujud seperti model hidup agar murid diberi pendedahan dalam keadaan yang sebenar. Menurut beliau walaupun arus kemonoran untuk mendapatkan sesuatu dengan mudah namun pengalaman sebenar sangat berharga. Sebagai contoh bab sembelihan, murid-murid wajib diajar dengan situasi yang sebenar dan menjadikan satu pengalaman yang baru yang tidak diperoleh dengan cara yang lain. Contoh pernyataan Ustazah B “Saya kongsi BBM yang maujud seperti tajuk Sembelihan. Jadi saya menggunakan Ayam yang betul ketika itu. Ketika GCPI DG 44 saya sentiasa menggunakan BBM Maujud sehingga sekarang”. Oleh itu, sumbangan GPI sangat besar dalam menyampaikan ilmu bukan hanya mahir teori semata-mata tetapi secara praktikal murid dapat melaksanakannya juga.

Analisis dokumen dianalisis sebagai penyokong kepada temu bual. Analisis dilakukan dengan menganalisis rancangan pengajaran harian GCPI. Modul yang digunakan dan rekod perkembangan murid yang melibatkan aktiviti berteraskan ketiga-tiga jenis bahan bantu mengajar iaitu BBM bukan digital, BBM digital dan BBM yang bersifat pengalaman. RPH yang diberi oleh peserta kajian yang mengandungi BBM dan aktiviti yang dijalankan ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Modul Mateen sebagai latihan tubi murid. Manakala rekod perkembangan murid dicatatkan usaha dan penghargaan murid ketika melaksanakan aktiviti di dalam bilik darjah.

Hasil dapatan kaedah pemerhatian mendapati bahawa kebolehpercayaan GCPI berkaitan dengan bahan bantu mengajar yang dibangunkan oleh GCPI. Pemerhatian pengkaji tertumpu kepada koleksi BBM terutama bahan bantu mengajar bukan digital dan BBM maujud seperti marker, gunting, gam, kertas warna, kertas majong dan hasil pembentangan murid. Manakala BBM digital pengkaji perlu mendapatkan maklumat melalui akses pautan atau link yang diberikan oleh peserta kajian. Pemerhatian juga dilaksanakan dengan rakaman pengajaran dan pembelajaran peserta kajian.

Jadual 4 Bahan bantu berbentuk pengalaman

GCPI	Bahan bantu mengajar
Ustaz A dan Ustazah B	Model Lakonan Nyanyian Debat ilmiah Forum Simulasi Model hidup

## **PERBINCANGAN DAN RUMUSAN**

Revolusi dalam dunia pendidikan semakin pesat membangun. Dengan kepesatan teknologi tanpa sempadan, tugas GPI menyampaikan ilmu seiring dengan perkembangan teknologi ataupun sebaliknya. Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijelaskan daripada analisis data, amalan penggunaan bahan bantu mengajar dapat dioptimumkan oleh GCPI merangkumi tiga jenis BBM iaitu; BBM bukan digital, BBM digital dan BBM bersifat pengalaman sebenar. BBM bukan digital menjadikan beg aktiviti yang berisi marker, gunting, pensel warna, serta kertas warna. Ia merupakan BBM asas yang guna perlu ada ketika ke kelas. Manakala BBM digital GCPI memerlukan projektor rangkaian jaringan yang laju dan luas termasuk BBM digital yang asas dengan mengakses e-buku teks secara digital. Kajian ini didapati menyokong kajian Charles Muling Libau & Ying-Leh Ling (2020) yang merujuk kepada penggunaan bahan bantu mengajar memberi kesan dalam kualiti pembelajaran. Pemilihan bahan bantu mengajar yang digunakan sebagai medium menyampaikan ilmu agar objektif pembelajaran tercapai. Selain itu, kelengkapan dan bahan bantu mengajar yang mencukupi serta berada dalam keadaan yang baik dapat mewujudkan pembelajaran yang berkesan terhadap pelajar.

Namun terdapat beberapa jenis BBM semulajadi yang mana GPI perlu memberi penekanan serius. Antaranya BBM semulajadi seperti debu tanah yang suci untuk tajuk bertayamum. Hal ini kerana majoriti GPI menggunakan debu bedak atau debu gandum sebagai simulasi bertayamum. Sekiranya tidak didedahkan dengan pengalaman dan situasi sebenar maka akan menimbulkan salah faham di mana murid beranggapan bahawa debu bedak atau tepung gandum alat yang sah untuk bertayamum. Selain itu, sesi pengajaran dan pembelajaran untuk topik sembelihan, GPI disarankan untuk menggunakan binatang hidup agar murid dapat mempraktikkannya dalam kehidupan mereka.

## **KESIMPULAN**

Sebagai kesimpulan, kajian mendapati CGPI mempelbagaikan BBM dan ia disesuaikan dengan topik yang diajar. Penggunaan BBM menjadi satu keperluan Guru Pendidikan Islam dalam menjalankan aktiviti di bilik darjah kerana tanpa BBM, PdPc guru menjadi suram dan kurang berkesan. Justeru, amalan dan pelaksanaan dengan memberi tumpuan kepada bahan bantu mengajar bukan digital, bahan bantu mengajar digital dan bahan bantu mengajar bersifat

pengalaman sebenar dengan menggunakan bahan maujud memberi kesan yang sangat positif kepada GPI dan murid. Perkembangan yang positif ini bukan hanya objektif pembelajaran tercapai bahkan turut meningkatkan pencapaian murid dari sudut akademik.

## RUJUKAN

- Charles Muling Libau & Ying-Leh Ling. 2020. Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. Kertas kerja *Seminar Politeknik*. Sarawak, 21 Oktober.
- Hasnuddin Ab Rahman, Norfaizuryana Zainal & Nor Azzarahton Ab Karim. 2015. Keberkesanan Penggunaan Ict Di Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam Bagi Sekolah Kebangsaan Desa Pandan Kuala Lumpur. *Proceeding of International Conference on Information Technology & Society*, hlm. 238-252.
- Mohd Faez Ilias, Kalthom Husain, Mohd Amin Mohd Noh, Zetty Nurzuliana Rashed, Murihah Abdullah. 2016. Sumber bahan bantu mengajar dalam kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari. *e – Academia Journal*, 5(2) : 106-113.
- Mohd Faez Ilias, Julia Mazdalan, Mohd Izzudin Mohd Pisol, Annasaii Jamar & Murihah Abdullah. 2022. Analisa Faktor Halangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Bestari Dalam Penggunaan Bahan Bantu Mengajar. *Fakulti Sains Kemanusiaan: Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Najwa Khasim, Azman Md Zain & Mohd Hilmi Hamzah. 2017. Amalan penggunaan bahan bantu mengajar Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*. 2(6): 57-69
- Norzainariah, A. H. 2004. Kebolehan kit pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan prestasi pelajar: Satu tinjauan di KUITTHO. Tesis Sarjana: Kolej Universiti Teknologi Tun Hussien Onn.
- Rabaah Abdullah, Wan Noorlizawati Wan Mat Ali & Adnan Jusoh. 2021. Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Subjek Tema “Penjajahan di Asia Tenggara pada Abad ke-19”. *Jurnal Perspektif*. 13(1): 1-13. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol13.1.1.2021>
- Rozan Irfan Rostyanta, Any Sutiadiningsih, Asrul Bahar & Mauren Gita Miranti. 2020. Pengaruh pembelajaran dengan *Google Classroom* diintegrasikan video interaktif terhadap keterampilan berfikir kritis dan bertanggung jawab. *Jurnal Tata Boga*. 9 (1) : 142-153
- Sylviano Abu Bakar. 2019. Tahap kesediaan pengetahuan guru-guru Pendidikan Islam terhadap penggunaan teknologi mudah alih dalam pengajaran Pendidikan Islam sekolah rendah. *eprosiding: cabaran Pengajian Islam dalam era revolusi industri 4.0*.